

# Al-Aqar Healthcare REIT menang anugerah

**KUALA LUMPUR** – Al-'Aqar Healthcare Real Estate Investment Trust (Al-Aqar Healthcare REIT) dinobatkan pemenang oleh majalah *International Alternative Investment Review* (IAIR) sebagai Syarikat Kepimpinan Terbaik di Majlis Anugerah IAIR 2014 yang diadakan di Hong Kong baru-baru ini.

Penganugerahan tersebut mengiktiraf Al-Aqar Healthcare REIT sebagai perintis REIT Islam yang pertama di dunia dan juga REIT penjagaan kesihatan pertama di Asia.

Pengarahnya merangkap Pengarah Urusan Damansara REIT Manager Sdn. Bhd., Yusaini Sidek berkata, anugerah ini merupakan bukti kepada usaha yang dicurahkan selama ini," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Al-Aqar Healthcare REIT diuruskan oleh Damansara REIT Manager.